

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001**

FEBRUARI/MAC 2001

RPG 131 – KAE DAH KUANTITATIF GUNAAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang tercetak dan **DUA** lampiran sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan.

Bahagian A (Jawab SEMUA Soalan)

1. a) Bincangkan secara ringkas mengenai:

- i) Statistik Deskriptif
- ii) Statistik Inference

(5 MARKAH)

b) Dengan menggunakan lakaran, bincangkan secara ringkas Jenis Ralat I dan Jenis Ralat II.

(5MARKAH)

c) Dengan menggunakan ciri-ciri taburan normal, jalankan ujian hipotesis bagi keadaan berikut:

Data dari Jabatan Perumahan Negeri menunjukkan harta purata perumahan teres 2 tingkat di bandar Alor Setar pada tahun 1997 ialah RM189,000.00 seunit. Sisihan piawai ialah RM7,500.00.

Satu tinjauan rawak pada tahun 2001 mendapati harga jualan bagi 8 unit rumah teres 2 tingkat di 8 buah taman perumahan di Alor Setar adalah seperti berikut:

Lokasi Rumah Teres 2 Tingkat	Harga Jualan (RM)
Taman Mahkota	189,000.00
Taman Asas	175,000.00
Taman Lumba Kuda	198,000.00
Taman Malaysia	172,000.00
Taman Pumpong	167,000.00
Taman Golf	159,000.00
Taman Hup Huat	160,000.00

- i) Dengan menggunakan tahap keyakinan 95%, adakah harga jualan rumah teres 2 tingkat di bandar Alor Setar telah meningkat atau merosot? Tunjukkan cara pengiraan dengan jelas. (9MARKAH)
- ii) Pada tahap keyakinan 99%, adakah keputusan dalam bahagian (i) di atas akan kekal atau berubah? Tunjukkan pengiraan dengan jelas. (6MARKAH)
- (25 MARKAH)**

2. Data-data di bawah merupakan bilangan pekerja yang terdapat dalam firma-firma juruukur bahan di negeri Pulau Pinang.

Saiz Pekerja Untuk Firma Juruukur Bahan	Bilangan Firma Juruukur Bahan
5 – 9	18
10 – 19	80
20 – 29	88
30 – 39	47
40 – 49	28
50 – 99	63
100 – 149	26
150 – 199	10
200 – 249	6
250 – 499	4
500 – 990	2

Berdasarkan data di atas, kirakan:

- a) Min aritmetik (5MARKAH)
- b) Median (5 MARKAH)
- c) Sisihan piawai (5MARKAH)
- d) Koefisien sisihan piawai (10 MARKAH)
- (25MARKAH)

3. a) Keputusan markah peperiksaan bagi ujian Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris bagi 5 orang pelajar diberi seperti berikut.

Pelajar	Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris
Ali	2	3
Abu	5	4
Lim	3	4
Lau	7	8
Ram	8	9

- i) Apakah nilai koefisien korelasi Pearson ? (10 MARKAH)
- ii) Adakah nilai koefisien korelasi ini tinggi atau rendah ? (2MARKAH)
- iii) Apakah rumusan yang boleh dibuat mengenai hubungan Bahasa Malaysia dengan Bahasa Inggeris ? (4MARKAH)
- b) Lakarkan graf hubungan linear antara pembolehan X dan Y berdasarkan nilai-nilai koesisien korelasi berikut:
- i) $r = -0.4$
 ii) $r = 0$
 iii) $r = 0.8$ (9 MARKAH)
- (25 MARKAH)

Bahagian B (Jawab SATU Soalan Sahaja)

4. a) Bincangkan secara ringkas 4 jenis analisis siri masa (time series analysis) berikut:
- i) Secular Trend
 ii) Cyclical Fluctuations
 iii) Seasonal Variation
 iv) Irregular Variation (10 MARKAH)

b) Sebuah pasaraya yang maju di Butter-worth iaitu Pasaraya Ceria mempunyai beberapa cadangan untuk meningkatkan prestasinya. Cadangan itu termasuk membesarakan pasaraya sedia **ada**, membuka cawangan pasaraya **baru** yang kecil di Bukit Mertajam atau membuka cawangan pasaraya baru yang besar di Bukit Mertajam. Kajian oleh Pasaraya Ceria menghasilkan jadual pembayaran seperti berikut:

Jadual Pembayaran Jualan Pasaraya

Cadangan	Kos Pelaksanaan Projek (RM)	Kebarangkalian (K)	Nilai Jualan Tambahan (RM)		
			Rendah K = 0.45	Sederhana K = 0.35	Tinggi K = 0.20
R1: Besarkan Pasaraya	40,000	0.40	20,000	35,000	50,000
R2 : Buka pasaraya kecil di B. Mertajam	70,000	0.35	40,000	70,000	100,000
R3 : Buka pasaraya besar di B. Mertajam	100,000	0.25	60,000	90,000	130,000

- i) Berdasarkan jadual di atas, lakarkan Ranting Keputusan (Decision Tree).
(4 MARKAH)
- ii) Kira Nilai Pembayaran bagi setiap Nod Keputusan.
(9 MARKAH)
- iii) Apakah keputusan yang patut diambil oleh Pasaraya Ceria berdasarkan kepada pengiraan di bahagian (ii) di atas? Beri alasan.
(2MARKAH)
- (25 MARKAH)**

5. a) Nyatakan kaedah persampelan yang paling sesuai untuk mendapatkan sampel buruh wanita yang bekerja di tapak pembinaan. Berikan kebaikan dan keburukan kaedah persampelan yang dipilih.

(10 MARKAH)

Berikut merupakan data daripada satu tinjauan mengenai pendapatan buruh wanita di tapak pembinaan yang dibayar **atas** dasar **tinggit/hari**.

33	35	32	33	40	45	36	41	37	32	46	48
34	38	42	39	43	50	30	45	47	43	31	32
30	40	34	45	34	44	35	48	35	36	40	44
46	43	51	31	35	32	40	43	46	37	41	39

Berpandukan kepada data di atas:

- b) Susun data **tersebut** mengikut kelas dengan menggunakan saiz kelas yang sesuai dan dapatkan kekerapan **bagi** setiap kelas.

(10 MARKAH)

- c) **Bina** gambarajah histogram dan kekerapan poligon daripada maklumat yang didapati di **atas**.

(5 MARKAH)

(25 MARKAH)

6. a) **Markah** keputusan ujian **bagi** beberapa orang pelajar adalah seperti berikut:

1, 2, 2, 3, 3, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 8, 8, 9, 9

Apakah nilai :

- i) N
- ii) Min
- iii) Mod
- iv) Median

(10 MARKAH)

- b) i) Lakarkan bentuk sebuah graf taburan normal.

- ii) Labelkan kedudukan nilai min dan median.

(6 MARKAH)

iii) Jika purata umur pelajar-pelajar perempuan PBP adalah 25 dan nilai ralat piawai = 1.5, maka berikan julat umur **bagi**

- 68.26 % daripada kes-kes
- 95.44 % daripada kes-kes
- 99.7 % daripada kes-kes

(9 MARKAH)

(25 MARKAH)

- 000000000 -

APPENDIX

$$\text{Formula Korelasi (r)} = \frac{N \sum \chi Y - (\sum \chi)(\sum \gamma)}{\sqrt{[N \sum \chi^2 - (\sum \chi)^2][N \sum \gamma^2 - (\sum \gamma)^2]}}$$

$$\text{Ralat piawaian } (\sigma \chi) = \frac{\sigma \chi}{\sqrt{n}}$$

Persamaan am 'line of best fit'


$$Y = a + b \chi + e$$

The standard normal (z) distribution

RPG 131

Each number in the table below is the fraction of the total area under the standard normal distribution which lies between 0 and a positive z. In other words, each number is the probability of a value lying in the interval between 0 and z. The units and tenths of units of z are read in the left column. The hundredths of units are read in the top row. Probabilities for intervals from 0 to -z are found from symmetry and from z to x by subtraction from 0.5000.

$$Z = \frac{X - \mu}{\frac{s}{\sqrt{N}}}$$



z	.00	.01	.02	.03	.04	.05	.06	.07	.08	.09
0.0	0000	0040	0080	0120	0160	0199	0239	0279	0319	0359
0.1	0398	0438	0478	0517	0557	0596	0636	0675	0714	0753
0.2	0793	0832	0871	0910	0948	0987	1026	1064	1103	1141
0.3	1179	1217	1255	1293	1331	1368	1406	1443	1480	1517
0.4	1554	1591	1628	1664	1700	1736	1772	1808	1844	1879
0.5	1915	1950	1985	2019	2054	2088	2123	2157	2190	2224
0.6	2257	2291	2324	2357	2389	2422	2454	2486	2517	2549
0.7	2580	2611	2642	2673	2703	2734	2764	2794	2823	2852
0.8	2881	2910	2939	2967	2995	3023	3051	3078	3106	3133
0.9	3159	3186	3212	3238	3264	3289	3315	3340	3365	3389
1.0	3413	3438	3461	3485	3508	3531	3554	3577	3599	3621
1.1	3643	3665	3686	3708	3729	3749	3770	3790	3810	3830
1.2	3849	3869	3888	3907	3925	3944	3962	3980	3997	4015
1.3	4032	4049	4066	4082	4099	4115	4131	4147	4162	4177
1.4	4192	4207	4222	4236	4251	4265	4279	4293	4306	4319
1.5	4332	4345	4357	4370	4382	4394	4406	4418	4429	4441
1.6	4452	4463	4374	4484	4495	4505	4515	4525	4535	4545
1.7	4554	4564	4573	4582	4591	4599	4608	4616	4625	4633
1.8	4641	4649	4656	4664	4671	4678	4686	4693	4699	4706
1.9	4713	4719	4726	4732	4738	4744	4750	4756	4761	4767
2.0	4772	4778	4783	4788	4793	4798	4803	4808	4812	4817
2.1	4821	4826	4830	4834	4838	4842	4846	4850	4854	4857
2.2	4861	4864	4868	4871	4875	4878	4881	4884	4887	4890
2.3	4893	4896	4898	4901	4904	4906	4909	4911	4913	4916
2.4	4918	4920	4922	4925	4927	4929	4931	4932	4934	4936
2.5	4938	4940	4941	4943	4945	4946	4948	4949	4951	4952
2.6	4953	4955	4956	4957	4959	4960	4961	4962	4963	4964
2.7	4965	4966	4967	4968	4969	4970	4971	4972	4973	4974
2.8	4974	4975	4976	4977	4977	4978	4979	4979	4980	4981
2.9	4981	4982	4982	4983	4984	4984	4985	4985	4986	4986
3.0	4987	4987	4987	4988	4988	4989	4989	4990	4990	